



## **TEKS UCAPAN PENGHARGAAN**

**OLEH**

**YBHG. KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA  
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)  
DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

**PADA**

**MAJLIS PERASMIAN LATIHAN MELAWAN TUMPAHAN MINYAK  
EX EMPURAU 2024  
12 JUN 2024 (RABU)  
2000 – 2030**

Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas,  
Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru  
Kedua, Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan, Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak  
(JPBNS),

Yang Berbahagia Datu Buckland Bangik,  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak,

Yang Berusaha Encik Morris anak Mail,  
*Senior General Manager, HSE Upstream PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.*,

Yang Berusaha Encik Mahadi Bin Sukarno,  
Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar  
(BPAS), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES),

Yang Berusaha Dr. Norhazni Binti Mat Sari,  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar.

Ketua-ketua Jabatan,

Peserta-Peserta Latihan Melawan Tumpahan Minyak Ex- Empurau,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Assamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Malaysia Madani.

1. Pertama sekali, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua, Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) di atas kesudian Yang Berhormat Datuk Amar melapangkan masa bagi merasmikan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Ex-Empurau Tahun 2024 anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak dengan kerjasama PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. (Sarawak Asset). Setinggi penghargaan juga kepada Yang Berbahagia Datu Buckland Bangik, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang turut serta dalam Majlis Perasmian Ex Empurau dan Makan Malam ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada pihak PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. kerana telah mengatur majlis perasmian dan majlis makan malam bagi Latihan Melawan Tumpahan Minyak Ex-Empurau 2024 dan seterusnya memberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan ucapan penghargaan di majlis yang bermakna ini.

Yang Berhormat Datuk Amar, YBhg. Datu, Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Saya sangat berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan, peserta-peserta Latihan Ex-Empurau, yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta sektor swasta terutamanya rakan strategik JAS iaitu PETRONAS

Carigali Sdn. Bhd. dalam menjayakan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Ex-Empurau Tahun 2024 kali ini.

4. Dengan kehadiran dan penglibatan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam Latihan ini, kita dapat memperkuuhkan manifestasi komitmen dan iltizam bersama ke arah memantapkan tatakelola kawalan pencemaran minyak akibat tumpahan minyak di laut. Melalui platform latihan sebegini, kita dapat memberikan kesedaran kepada semua agensi yang terlibat, sama ada agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, agensi swasta atau badan bukan kerajaan, tentang betapa kritikalnya untuk satu tindakan yang pantas dan berkesan perlu dilaksanakan supaya dapat mengurangkan impak negatif sesuatu krisis tersebut.
5. Pencemaran daripada insiden tumpahan minyak akan menyebabkan pencemaran kepada persekitaran dan boleh menjaskan sektor perikanan dan pelancongan yang juga merupakan sumber ekonomi negara selain daripada minyak mencemari alam sekitar, flora dan fauna kita. Dengan kesedaran ini, maka saya percaya setiap agensi dapat memberikan komitmen penuh melalui bidang kuasa dan bidang tugas masing-masing untuk membantu dalam tindak balas kawalan dan pembersihan tumpahan minyak.
6. Selain daripada itu, Latihan sebegini dapat memberi ruang untuk meningkatkan kemahiran melalui perkongsian kepakaran, teknologi, sistem kawalan dan komunikasi yang terlaras dalam usaha untuk mempersiapkan agensi masing-masing bertindak balas semasa menghadapi insiden tumpahan minyak pada masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Amar, YBhg. Datu, Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah diberikan mandat sebagai agensi peneraju bagi bencana maritim dalam Arahan 20 MKN di bawah skop pencemaran minyak akibat tumpahan minyak di laut adalah bertanggunjawab untuk memastikan semua agensi yang terlibat sentiasa bersiap siaga dalam tindak balas terhadap insiden tumpahan minyak. Dengan itu, Latihan seperti Ex-Empurau ini perlu dijalankan dari semasa ke semasa dan penganjur bersama daripada pihak industri minyak dan gas seperti PETRONAS, SHELL dan lain-lain amatlah dialu alukan. Selain itu, persefahaman dan koordinasi dengan agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang terlibat juga sangat diperlukan.
8. Dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, Latihan Ex-Empurau ini dapat dijalankan secara menyeluruh dengan pengujian *Oil Spill Response Plan* (OSRP) peringkat industri, *Malaysia Oil Spill Contingency Plan* (MOSCoP) Tier 2, Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri dan *Malaysia Oiled Wildlife Response Plan* (MOWReP) yang dijalankan secara *Table-Top* dari 11 sehingga 12 Jun dan disusuli dengan Latihan *Deployment* di laut dan pantai pada hari esok.
9. Selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Operasi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak atau nama singkatannya NOSC, saya percaya semuanya berjalan dengan lancar dan sangat berharap Latihan Ex Empurau ini dapat mencapai objektifnya. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapan kepada semua pihak yang

terlibat terutamanya pihak pengangur dan juga ahli Jawatankuasa yang telah merancang dan melaksanakan Latihan Ex-Empurau ini.

Yang Berhormat Datuk Amar, YBhg. Datu, Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Perairan Negara adalah khazanah indah yang dikurniakan Allah S.W.T, ia adalah salah satu penyumbang ekonomi negara maka seharusnya ianya dijaga dan dilindungi agar kelestarian alam dapat dinikmati sehingga generasi akan datang. Ketika ini, perairan kita menghadapi cabaran yang sangat besar ekoran daripada kemajuan dan kepesatan aktiviti ekonomi terutama daripada aktiviti perkapalan, aktiviti eksplorasi minyak dan gas serta pembangunan yang dijalankan di kawasan pesisir pantai.
11. Aktiviti sebegini yang tidak dikawal dengan baik merupakan salah satu punca pencemaran marin yang utama yang memberikan impak yang signifikan kepada ekosistem laut dan pantai yang kemudiannya akan memberi kesan kepada hidupan laut dan pesisir pantai. Di peringkat global, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memantapkan usaha dan tindakan negara bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 14, “*Life Below Water*”, iaitu untuk memulihara dan menggunakan lautan dan sumber marinnya secara lestari. Marilah, kita semua bekerjasama demi memastikan kelestarian hidupan bawah air.

Yang Berhormat Datuk Amar, YBhg. Datu, Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Insiden tumpahan minyak adalah perkara yang sukar untuk dielakkan daripada berlaku, namun kita boleh mengurangkan impak pencemarannya dengan bertindak secara pantas dan berkesan. Selain menjalankan penguatkuasaan terhadap insiden tumpahan minyak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, JAS juga memikul tanggungjawab yang besar sebagai agensi peneraju akan terus komited dan bekerjasama dengan agensi persekutuan dan negeri demi menjaga dan melindungi alam sekitar kita khususnya ekosistem marin.
13. Dengan itu, besar harapan saya agar agensi-agensi daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dapat memberi sokongan dan bersama sama terlibat dalam sebarang program sesi libat urus berkaitan semakan dan pengemaskinian pelan MOSCoP, MOWReP dan PTTP serta latihan-latihan yang dianjurkan oleh JAS pada masa akan datang. Keakraban yang terjalin akan memastikan penyelarasan dalam tindak balas melawan tumpahan minyak berjalan dengan lancar.
14. Kita perlu mengambil iktibar daripada insiden perlanggaran kapal tangki minyak yang pernah berlaku di Selat Johor, APL Denver pada tahun 2017 dan juga pencemaran minyak di sempadan dua negeri iaitu di Pantai Cermin, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Tanjung Tuan, Melaka pada tahun 2020 yang lepas.
15. Impak kepada alam sekitar dan ekonomi pasti dapat dikurangkan sekiranya kita bersiap sedia terutamanya melalui komunikasi serta

tindak balas yang terkoordinasi dan pantas, seterusnya memberi kesan yang positif dalam mengurangkan impak pencemaran minyak. *Lesson learnt* daripada setiap insiden, elemen kelemahan dan kekuatan yang dipelajari perlu dikenal pasti, supaya ia dapat menambahbaik proses tindakan dan pelan yang digunakan.

Yang Berhormat Datuk Amar, YBhg. Datu, Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengangur utama yang bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar, PETRONAS Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset) yang telah menjayakan Latihan Ex-Empurau. Pihak NREB, agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang turut menjayakan Latihan Ex-Empurau ini, Jabatan Laut Malaysia, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim, Pejabat Residen Miri dan semua agensi yang terlibat, tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili agensi masing-masing sebagai peserta dalam Latihan Ex- Empurau Tahun 2024 ini, terima kasih kerana penglibatan dan komitmen semua dalam memainkan peranan masing-masing.
17. Penglibatan semua pihak adalah tunjang kepada kejayaan latihan ini dalam mencapai objektifnya. Semoga komitmen dan kerjasama ini dapat diteruskan bukan sahaja semasa latihan tetapi yang lebih penting semasa krisis tumpahan minyak. Matlamat utama kita adalah untuk memastikan alam sekitar yang sihat, bersih dan bebas daripada pencemaran demi kepentingan dan kesejahteraan awam selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 14, iaitu untuk memulihara dan menggunakan lautan, laut, dan sumber marinnya

secara lestari. Kita semua harus bekerjasama demi memastikan kelestarian hidupan bawah air.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh, terima kasih.